



سيارن اخبار
PRESS RELEASE

KEMENTERIAN KESIHATAN • Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.
Tel: 2381640 samb./ext. 7734 • Faks/Fax: 2383016 • E-mel/E-mail: prohealth@brunet.bn

SIARAN AKHBAR 

**PERUTUSAN
YANG BERHORMAT DATO SERI SETIA
DR HAJI MD ISHAM BIN HAJI JAAFAR
MENTERI KESIHATAN**

SEMPENA HARI PENDERMA DARAH SEDUNIA 2022

SLOGAN:

**"MENDERMA DARAH ADALAH SATU TINDAKAN BERSEPADU.
SERTA USAHA INI DAN BANTU SELAMATKAN NYAWA."
("DONATING BLOOD IS AN ACT OF SOLIDARITY. JOIN THE
EFFORT AND SAVE LIVES.")**

14 JUN 2022

1. Setiap tahun, jutaan nyawa di seluruh dunia memerlukan pemindahan darah dan produk darah untuk meneruskan kehidupan seharian. Tidak dinafikan pada masa ini belum lagi ada pengganti bagi darah dan produk darah, dan darah yang didermakan oleh penderma-penderma darah sukarela adalah darah yang paling sesuai dan selamat untuk digunakan bagi pesakit-pesakit yang seringkali memerlukan pemindahan darah dengan segera seperti pesakit kecemasan, pesakit yang mengalami pendarahan semasa menjalani pembedahan, ibu-ibu yang mengalami pendarahan teruk semasa kehamilan atau semasa melahirkan anak dan kanak-kanak yang mengalami anemia (kurang darah) disebabkan penyakit darah dan tulang sumsum (*blood and bone marrow disorders*) seperti Thalassaemia dan Leukaemia.

2. Hari Penderma Darah Sedunia (*World Blood Donor Day*) diraikan pada 14 Jun setiap tahun di seluruh dunia. Hari Penderma Darah Sedunia ini dikhususkan bagi menzahirkan penghargaan kepada semua penderma darah yang secara sukarela menderma tanpa mengharapkan sebarang imbalan daripadanya. Di samping itu, sambutan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai keperluan dan kepentingan pendermaan darah yang berterusan bagi menjamin bekalan darah dan produk-produk darah yang mencukupi, selamat dan berkualiti bagi kegunaan pesakit-pesakit yang memerlukan.

3. Slogan sambutan tahun ini, "Menderma Darah Adalah Satu Tindakan Bersepadu. Sertai Usaha Ini Dan Bantu Selamatkan Nyawa", mengetengahkan kepentingan sumbangan dan peranan pendermaan darah secara sukarela dalam menyelamatkan nyawa dan meningkatkan perpaduan dalam masyarakat awam. Ini memperkuatkan lagi seruan global agar lebih ramai orang di seluruh dunia menderma darah secara berterusan dan menyumbang kepada kesihatan yang lebih baik. Fokus khusus sambutan tahun ini adalah peranan semua lapisan masyarakat dalam memastikan bekalan darah yang selamat sentiasa di dalam tahap yang sihat. Tindakan pelbagai pihak dan semua komuniti di Negara ini diperlukan bagi menerajui aktiviti dan inisiatif untuk mencapai bekalan darah yang selamat melalui pendermaan darah secara sukarela. Sektor awam dan swasta serta badan-badan bukan Kerajaan semua memainkan peranan penting dalam sama-sama menyertai usaha untuk mengekalkan bekalan stok darah dan seterusnya membantu menyelamatkan nyawa mereka yang memerlukan pemindahan darah dan produk darah.

4. Objektif khusus kempen Hari Penderma Darah Sedunia tahun ini adalah:
- Bagi merakamkan penghargaan kepada penderma darah di seluruh dunia;
 - Bagi mewujudkan kesedaran masyarakat yang meluas mengenai perlunya pemberian darah yang tetap tanpa bayaran;
 - Bagi menekankan keperluan untuk menderma darah secara komited sepanjang tahun bagi mengekalkan bekalan darah yang mencukupi dan mendapatkan akses kepada darah yang universal dan tepat pada masanya bagi tujuan pemindahan darah;
 - Bagi mengiktiraf dan mempromosikan nilai-nilai menderma darah secara sukarela dalam meningkatkan perpaduan masyarakat dan perpaduan sosial;
 - Bagi meningkatkan kesedaran akan keperluan bagi penglibatan pihak Kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam membangunkan sebuah sistem darah kebangsaan yang mampan dan berdaya tahan untuk mempertingkatkan kutipan darah dari penderma sukarela yang tidak mengharapkan sebarang imbalan.
5. Alhamdulillah, aktiviti-aktiviti dan kempen pendermaan darah masih menjadi amalan yang berterusan yang jelas dapat kita saksikan di Negara Brunei Darussalam. Kementerian Kesihatan melalui Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal akan sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan, institusi-institusi pendidikan, pasukan seragam, sektor swasta dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) untuk menyelaraskan kempen-kempen

bergerak pendermaan darah di kesemua daerah. Pada tahun 2021, Pusat Pendermaan Darah telah mencatat sebanyak 16,666 kutipan darah yang disumbangkan oleh 12,305 penderma darah, termasuk 3,694 penderma darah yang baru berdaftar. Pada tahun 2020 pula, sejumlah 16,156 kutipan darah telah dicatat termasuk 3,215 penderma darah baru berdaftar. Ini bermakna, peningkatan sebanyak 3.1% (510 unit darah) dalam kutipan darah telah dapat dilihat pada tahun 2021 berbanding kutipan darah pada tahun 2020. Manakala, matlamat bagi pencapaian tahunan jumlah penderma darah yang disarankan oleh pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) ialah dalam lingkungan 1-3% dari jumlah keramaian penduduk bagi memenuhi keperluan negara dalam menangani situasi kecemasan. Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam pada tahun 2021 telah mencapai sebanyak 2.7 peratus bagi perangkaan ini yang mana adalah konsisten dengan pencapaian dari tahun 2014.

6. Dalam memastikan pencapaian ini sentiasa berterusan, Pusat Pendermaan Darah sentiasa aktif mempelawa dan menggalakkan pengelolaan kempen-kempen pendermaan darah secara sukarela bagi memperkasa dan memperluaskan lagi aktiviti seperti semata-mata untuk menarik lebih ramai lagi penderma darah, sama ada yang sedia ada atau yang belum pernah menyumbangkan darah. Di samping itu, Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Tabung-Tabung Darah di semua Hospital Daerah juga akan terus berusaha untuk menyediakan akses kepada darah dan produk darah yang selamat untuk pesakit dalam kuantiti yang mencukupi kerana ini adalah salah satu komponen yang penting dalam memastikan keberkesanan sistem kesihatan di Negara ini. Dengan yang demikian, Kementerian Kesihatan menyeru agar penderma-penderma darah dan orang

ramai yang berpotensi untuk mendermakan darah untuk datang ke Pusat Pendermaan Darah bagi menjalankan usaha yang penuh berkebajikan ini. Manakala, agensi-agensi Kerajaan, institusi pendidikan, pasukan seragam, sektor swasta dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) adalah juga diseru untuk sama-sama mengelolakan kempen-kempen pendermaan darah demi membantu meningkatkan bekalan stok darah di negara ini.

7. Dalam memastikan darah yang diberi kepada pesakit adalah selamat dan berkualiti tinggi dan bagi memastikan akses universal kepada darah tersebut, Kementerian Kesihatan melalui pelbagai pihak yang berkepentingan sedang giat merangka sistem darah kebangsaan (*National Blood System*) yang merangkumi dasar-dasar darah kebangsaan (*National Blood Policy*), program penderma darah sukarela tanpa imbalan (*Voluntary Non-Remunerated Blood Donor Programme*), dasar bagi penggunaan darah dan produk darah secara klinikal dan bersesuaian (*Appropriate Clinical Use of Blood and Blood Products*), dan dasar-dasar lain yang berkaitan dengannya. Oleh itu, keperluan bagi satu Jawatankuasa Darah Kebangsaan (*National Blood Committee*) adalah dilihat sangat penting bagi memantau dan memastikan penggubalan sistem dan dasar-dasar tersebut dilaksanakan dengan betul dan berkesan.
8. Selain langkah-langkah tersebut dalam memastikan pengutipan darah yang selamat, Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal juga aktif mempromosikan penggunaan aplikasi BloodKad yang telah banyak membantu menyelaraskan proses pendermaan darah dari segi pendaftaran penderma darah, pengisian borang pemeriksaan kesihatan dan tempahan slot menderma. Penggunaan aplikasi ini meningkat dengan amat ketara

semasa pandemik COVID-19 dan ini adalah satu petanda positif ke arah mempertingkatkan penggunaan infoteknologi terkini selaras dengan *4th Industrial Revolution* (IR 4.0) bagi membantu melicinkan proses pendermaan dan mengurangkan masa menunggu. Antara kebaikan dan faedah menggunakan BloodKad termasuk:

- membolehkan penderma menerima notifikasi untuk membuat pendermaan seterusnya 56 hari selepas tarikh terakhir menderma, dan pengumuman kempen-kempen derma darah;
- menggalakkan penderma untuk menderma secara kerap dan konsisten;
- memudahkan penderma untuk membuat tempahan slot dan menjawab soalan-soalan pra-saringan secara atas talian;
- membolehkan Pusat ini untuk meramalkan jumlah pendermaan seharian dan membolehkan Pusat ini untuk mengambil langkah-langkah yang berkenaan untuk mengatasi jumlah pendermaan yang kurang dari jangkaan.

9. Dalam kesempatan ini, saya dan seluruh warga Kementerian Kesihatan ingin meraikan dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada setiap penderma darah di Negara Brunei Darussalam yang telah banyak berjasa meluangkan masa untuk menderma secara sukarela tanpa mengharapkan sebarang imbalan demi membantu pesakit-pesakit yang amat memerlukannya. Ini termasuk generasi wira muda yang berani tampil serta mula menderma darah seawal usia 17 tahun. Sehubungan dengan ini, saya juga ingin menyeru dan menggalakkan mereka yang belum pernah menderma darah untuk mula tampil demi kebaikan dan kesejahteraan bersama. Tidak lupa juga diucapkan berbanyak terima kasih kepada agensi-agensi Kerajaan, institusi pendidikan,

pasukan seragam, sektor swasta dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) serta individu-individu perseorangan yang terlibat dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti dan kempen-kempen derma darah selama ini. Akhir sekali, tidak juga lupa diucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pegawai dan kakitangan di Pusat Pendermaan Darah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Tabung-Tabung Darah di Hospital Suri Seri Begawan, Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam dan Pusat Perubatan Jerudong Park (Jerudong Park Medical Centre) di atas usaha yang berterusan dan tidak henti-henti dalam memastikan bekalan darah yang selamat sentiasa mencukupi.

10. Dalam pada itu, orang ramai bolehlah mengikuti Facebook: [bloodbankripas.brunei](https://www.facebook.com/bloodbankripas.brunei) atau Instagram [@bloodbank_ripas](https://www.instagram.com/bloodbank_ripas) untuk mengetahui maklumat terkini mengenai aktiviti-aktiviti Pusat Pendermaan Darah. Bagi mendapatkan slot perjanjian menderma darah di Pusat Pendermaan Darah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, orang ramai bolehlah menempah slot melalui aplikasi BloodKad atau menghubungi Pusat ini di talian 2242424 sambungan 5745 / 6001 atau 8775745 / 7375745 (Hotline/Whatsapp).
11. Justeru itu, sempena Hari Penderma Darah Sedunia marilah kita bersama-sama meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan perpaduan dalam langkah memastikan bekalan darah mencukupi dan selamat, melalui aktiviti-aktiviti pendermaan darah secara sukarela yang berterusan. Hanya dengan ini, akses kepada bekalan darah yang mencukupi akan dapat terus dinikmati oleh pesakit-pesakit yang memerlukan pemindahan darah yang selamat dan tepat pada masanya. Bagi setiap unit darah yang didermakan ianya

Insya-Allah akan dapat menyelamatkan tiga (3) nyawa pesakit. Semoga Allah Subhanahu Wa ta'ala membalas budi baik semua serta melimpahkan rahmatnya kepada mereka yang membantu sesama insan.

-TAMAT-